



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**(NRE)**

**KEJADIAN KEBAKARAN DI HUTAN SIMPAN, KUALA**  
**LANGAT UTARA (HSKLU), SEPANG, SELANGOR.**

**11 OGOS 2017**

---

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima maklumat pada 3 Ogos 2017 daripada Jabatan Hutan Negeri Selangor mengenai kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Selangor (HSKLU). Susulan maklumat tersebut siasatan ke lokasi kejadian telah dilakukan oleh JAS Cawangan Sepang pada hari yang sama. HSKLU merupakan salah satu hutan tanah gambut yang sering terbakar di Negeri Selangor. Luas kebakaran adalah sebanyak 95.39 hektar di mana kawasan keseluruhan hutan tersebut ialah 958.49 hektar.

Kerja-kerja pemadaman masih dijalankan dengan kaedah *direct attack*, melebarkan *fire break* dan kerja mendalamkan *fire break* sedia ada masih diteruskan. Tiga (3) buah *tubewell* telah diaktifkan untuk membekalkan air ke parit *fire break* dan seterusnya dipam untuk kerja-kerja pemadaman kawasan yang terbakar secara *total flooding*. Bantuan *water bombing* oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah dilakukan pada jam 11.00 pagi sehingga 3.00 petang pada 9 Ogos 2017.

Pemadaman melalui *water bombing* ini telah berjaya mengurangkan luas kebakaran dan mengurangkan asap di kawasan berkenaan. Kerja-kerja pemadaman masih diteruskan oleh pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains, Polis Diraja Malaysia, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Langat. JAS menjalankan kerja-kerja pemantauan dan rondaan harian bagi memastikan tiada pembakaran terbuka baru dilakukan di kawasan tersebut.

Punca kebakaran sedang dikenalpasti oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Tiada kebakaran baru dan kemerebakan sehingga kini. Semua sektor hanya tinggal bara tunggul kayu dan akar pokok-pokok yang mengeluarkan asap yang menyebabkan jerebu setempat. Kebakaran Hutan Simpan Kuala Langat Utara telah mengakibatkan jerebu setempat yang turut memberi kesan kepada kawasan Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang.

## **LARANGAN KE ATAS PEMBAKARAN TERBUKA**

Bagi menangani cuaca panas dan kering, adalah ditegaskan bahawa **tiada sebarang pembakaran terbuka dibenarkan dijalankan sama sekali**. Pihak **Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan** dan semua **pemilik tanah** dinasihatkan memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Di bawah Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan. Di bawah peruntukan ini, pemilik tanah juga boleh dikenakan tindakan sekiranya mendapati pembakaran terbuka berlaku di dalam kawasan tanah miliknya.

Oleh itu, orang ramai diingatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil serta juga melaporkan kes- kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar di talian bebas tol **1-800-88-2727**.

**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**11 OGOS 2017**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

**Puan Mashitah Binti Darus**

Pengarah Bahagian Udara  
Jabatan Alam Sekitar (JAS)  
Ibu Pejabat, Putrajaya  
No Tel : 03 - 8871 2317  
Emel : [md@doe.gov.my](mailto:md@doe.gov.my)

**Puan Noor Fadilah Binti Ibrahim**

Pegawai Komunikasi Strategik  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Putrajaya  
No Tel : 03 - 8886 1081  
Emel : [fadilah@nre.gov.my](mailto:fadilah@nre.gov.my)